

MINGGUAN: Apa sebenarnya modul ini dan kepentingannya kepada para pelajar?

PROF. SHAMSUL: Modul ini bukanlah suatu buku akademik sepenuhnya, tetapi sebuah karya yang mengandungi bahan hasil kajian akademik dan boleh dipertahankan dari segi akademik. Modul ini adalah untuk keperluan sebuah kursus wajib universiti. Semua pelajar kena ambil. Kursus ini bertujuan memberikan skil atau kemahiran pemikiran kritis, seperti kursus wajib lain universiti contohnya dalam bidang sukan dan ketenteraan. Kita tidak boleh samakan modul ini dengan buku pengantar disiplin antropologi, misalnya.

Ini berdasarkan hakikat bahawa setiap kita mempunyai pengalaman seharian dalam perkara-perkara tentang perhubungan etnik. Contohnya tempat makan orang Cina, orang Melayu tidak menjadi peinggannya kerana kita kurang pasti makanannya halal atau tidak. Hubungan etnik ini tidak semestinya bercakap. Maka bagi saya, setiap rakyat Malaysia perlu mempunyai kesedaran bahawa kita berbeza-beza kerana itu tindakan kita juga berbeza-beza. Jadi soalnya sekarang, kita perlu memahami perbezaan-perbezaan ini. Perbezaan ini pula bukannya sesuatu yang negatif atau yang hanya menimbulkan konflik. Perbezaan dalam konteks ini adalah sesuatu yang sangat berguna untuk memperkaya kefahaman etnik kita.

Memanglah tidak semuanya sempurna, akan ada juga rakyat yang tidak berpuas hati. Tetapi kebanyakan kita tenggelam dalam perbezaan kita sendiri. Modul ini menyebut betapa kita memerlukan kefahaman itu. Hakikatnya seluruh dunia melihat kita penting tetapi kita sendiri tidak merasakannya. Apabila kita faham ada orang lain hidup di sekeliling kita, walaupun sukar, kita masih boleh hidup, maknanya barulah timbul penerimaan atau toleransi. Rupa-rupanya Hari Raya sama dengan Deepavali dan Tahun Baru Cina. Boleh kongsi raya. Dalam sebuah negara demokrasi, kita masih perlu menghormati pandangan minoriti. Tidak suka tidak apa. Ini bukan isu besar. Jika tidak, kita tidak boleh mengatakan kita negara demokrasi. Apabila perkara ini difahami, maka akan berlaku proses akomodasi. Kemudian hormat-menghormati. Apabila ini dapat diwujudkan, pintu perpaduan akan terbuka luas.

Ada melihat modul ini merupakan pindaan atau penambahan kepada modul yang pernah dilaksanakan di Universiti Putra Malaysia (UPM)?

PROF. SHAMSUL: Ini yang hendak diperbetulkan. Kabinet membuat keputusan mengadakan kursus (modul) ini pada akhir 2004. Kemudian ada arahan supaya semua universiti memberi pendedahan kepada para pelajar mereka berkaitan subjek hubungan etnik berdasarkan tema-tema penting. Maka setiap universiti mengambil pendekatan sendiri untuk menjadikannya subjek perintis. Masing-masing menyiapkan modul. Jadi sebenarnya sekarang ada dua jenis modul iaitu satu di peringkat universiti sendiri dan satu lagi yang dibuat oleh Kementerian. Maknanya, modul Kementerian ini tiada kena-mengena dengan modul mana-mana universiti termasuk UPM. Laporan yang menyebut ia modul yang pernah menimbulkan isu sebelum ini salah.

Ideanya timbul sejak 2004. Mengapa prosesnya mengambil masa yang agak lama - tiga tahun?

PROF. SHAMSUL: Tindakan itu yang mengambil masa. Hanya pada 2005 baru Kabinet mula mencari pihak yang difikir layak melaksanakannya. Pada asalnya sekumpulan pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) diberi tanggungjawab kerana mereka mempunyai banyak pensyarah yang membuat kajian tentang etnik. Tetapi tiba-tiba, saya tidak tahu apa sejarah tepatnya, tumpuan dialihkan kepada UTM. Selepas beberapa seminar dan perbincangan di-


adakan, kira-kira 15 profesor dan pensyarah kanan telah dipilih untuk menulis bab-bab tertentu dalam modul berdasarkan kepakaran mereka.

Perkara penting ditekankan dalam modul ini?

PROF. SHAMSUL: Kalau lihat bab 10, ada lima konsep penting digariskan iaitu kesedaran, kefahaman, akomodasi, saling hormat-menghormati baru akan berlaku perpaduan. Kita tidak boleh meloncat terus daripada kesedaran kepada perpaduan.

Mengapa perlu diperkenalkan sekarang?

PROF. SHAMSUL: Rasionalnya keputusan Kabinet itu ialah ia berkait dengan keterbukaan yang ada sekarang. Kalau dibandingkan sebelum 31 Oktober 2003 (tarikh pelantikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri), perkara begini mungkin tidak boleh dibincangkan. Ini adalah satu refleksi kepada keterbukaan Pak Lah. Peranannya untuk mendidik masyarakat kita. Saya bagi satu contoh, berapa ramai sebenarnya di kalangan orang Melayu pernah ke kuil atau tokong atau gereja? Pada saya yang penting sekali dalam konteks ini ialah apa yang disebut oleh pucuk pimpinan tentang sikap keterbukaan, termasuk membincangkan hal hidup kita seharian. Hubungan etnik ini sangat penting di negara kita kerana setiap hari kita bertemu dan melaluinya. Masalah kita ialah selalu mengambil hal dengan mudah. Bila biasa sangat, kita lupa ia mungkin akan membawa bahaya. Jadi kita perlu buat sesuatu untuk mengelakkan ia berlaku. Atas alasan ini mungkin Kabinet memikirkan ia perlu dilaksanakan sekarang. Mari kita bercakap dan berbincang daripada kita membiarkan masing-masing mempunyai andaian tersendiri. Soalnya sekarang ialah bolehkah kita



Lahir masyarakat lebih terbuka

Mukadimah

Um - 29/11/2007

ISU hubungan etnik masih dianggap antara isu "taboo" dalam masyarakat. Walaupun realitinya kita berdepan dengan senario ini setiap hari, namun andainya ialah ia isu sensitif dan tidak harus diperkatakan secara terbuka.

Menyadari hakikat bahawa andaian ini semakin menebal sedangkan ia sangat dekat dengan masyarakat itu sendiri, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) merasakan telah sampai masanya sesuatu perlu dilakukan.

Masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum harus diberi peluang mengenali lebih dekat antara satu sama lain. Benteng-benteng perbezaan yang merugikan rakyat perlu dikurusi kerana mahu melahirkan bangsa Malaysia sejati.

Pada Oktober 2004, Kabinet memutuskan setiap universiti di negara ini perlu memperkenalkan kursus Hubungan Etnik. Kursus ini harus menjadi subjek wajib setiap pelajar. Bagi merealisasikan suatu kaedah perlu dirangka.

Untuk menjadikan ia lebih sistematis sebuah modul perlu dihasilkan dan seorang ketua yang difikir layak harus dilantik. Difahamkan daripada laporan nama yang tersenarai, Kabinet akhirnya memutuskan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Institut Kajian Oksidental Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin untuk memikul tanggungjawab tersebut dan bertindak sebagai ketua penyunting.

Selasa lalu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed mengumumkan Kabinet berpuas hati dengan modul tersebut. Tetapi bagi Prof. Shamsul Amri sendiri, tujuh bulan menyiapkan modul adalah satu tempoh yang cukup mencabar dan memenatkan. "Saya tidak tidur lena," katanya kepada wartawan SITI MARIAM MD. ZAIN dan jurugambar MOHD SHARIFUL HAFIZAL.

Dalam pertemuan petang Jumaat lalu di sebuah hotel di ibu negara itu, Prof. Shamsul Amri diajak berkongsi pengalaman tentang cabaran yang dihadapi, latar belakang serta harapan beliau terhadap modul yang kini dalam proses pembukuan sebelum diperkenalkan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

PROF. DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

mengajarnya di sekolah? Kerana kalau dilihat dari segi lingkaran, universiti adalah di fasa terakhir. Rebung kalau sudah menjadi buluh, liat. Saya berharap apa yang kita buat ini boleh dilihat sebagai contoh baik untuk kita membawanya ke sekolah. Kerana saya fikir sekolah adalah tempat sebenar untuk hubungan etnik ini diperkukuhkan.

Modul ini memberi ruang kepada masyarakat bersikap lebih terbuka dalam hal-hal sensitif?

PROF. SHAMSUL: Ya. Cara yang diperkenalkan oleh Jemaah Menteri ini adalah cara terbaik. Apa lagi polisi berkenaan hubungan etnik yang perlu diperkenalkan? Kita ada Jabatan Perpaduan Negara (JPN) dan sebagainya. Mana ada dalam dunia ini jabatan seperti JPN? Tapi kita ada.

Tentang kajian-kajian berdasarkan perhubungan etnik. Apa yang dapat disimpulkan?

PROF. SHAMSUL: Banyak kajian yang dibuat berdasarkan dua pendekatan. Satu, melihat Malaysia dalam keadaan genting selalu. Mereka ini meramalkan sesuatu kejadian buruk akan berlaku iaitu perbalahan kaum dan konflik. Ini pandangan yang paling pesimistik mengenai Malaysia dan banyak tulisan seumpama ini ditulis oleh kelas menengah yang marah, mungkin sebab mereka tidak mendapat hak atau menyokong pihak yang menentang diskriminasi. Satu lagi pendekatan ialah dipanggil optimistik dan konsensus. Golongan ini melihat Malaysia sebagai sebuah masyarakat yang sentiasa berunding dalam setiap peringkat dan waktu. Malah proses perundingan itu menjadi titik penyelesaian.

Ada orang bertanya saya, mengapa dalam modul ini tidak disebut tentang Kampung Medan. Saya menjelaskan, ada kira-kira 60 lagi peristiwa kecil lain, seperti kejadian Kampung Medan, yang pernah berlaku di negara ini. Tetapi itu bukan matlamatnya. Kita melihat keseluruhan sistem, bukan mahu mencari kesilapan kecil dan kemudian memperbesar-besarkannya. Jika kita mencari kesilapan, kita akan berjumpa banyak lagi kesilapan lain dan masalah ini akhirnya tidak akan selesai sampai bila-bila. Kalau kita lihat peristiwa 13 Mei dan Kampung Medan. Tahun 1969 dan 2001. Kita hendak fokus kepada dua peristiwa ini tetapi apa jadi dalam jangka masa itu? Suasana aman dan tenteram. Tetapi kejayaan kita berdamai ini tidak disentuh, ia tidak adil bagi saya.

Tetapi kita tidak boleh menafikan sejarah?

PROF. SHAMSUL: Betul sejarah tidak boleh kita nafikan tetapi ia juga untuk mengingatkan. Pada saya 13 Mei itu sudah cukup untuk mengingatkan. Kita boleh senaraikan semua peristiwa, tetapi apa maknanya? Kejadian Kampung Medan bukan sama dengan 13 Mei. Macam mana saya hendak mengangkat dari segi analisis kejadian Kampung Medan sebagai setaraf dengan 13 Mei? Ini tidak boleh dilakukan. Kesan peristiwa 13 Mei kepada semua lapisan masyarakat Malaysia jauh lebih besar dan meluas, sampailah sekarang. Sedangkan peristiwa Kampung Medan, memang suatu tragedi, namun impaknya tidak sebesar dan seluas seperti kejadian 13 Mei. Yang penting dalam soal ini kita mesti berpegang kepada kebenaran. Kalau orang kata saya perlu senaraikan semua sengeta kaum di Malaysia sebagai pengajaran, jawab saya ialah pengajaran paling besar ialah pengalaman daripada kejadian 13

Soalnya sekarang ialah bolehkah kita mengajarnya di sekolah? Kerana kalau dilihat dari segi lingkaran, universiti adalah di fasa terakhir. Rebung kalau sudah menjadi buluh, liat. Saya berharap apa yang kita buat ini boleh dilihat sebagai contoh baik untuk kita membawanya ke sekolah

- Shamsul Amri

Mei 1969. Cukup untuk kita mengulas hal ini.

Pembangkang mahu pandangan mereka juga diambil kira dalam modul ini, komen Prof.?

PROF. SHAMSUL: Input ini kita dapat daripada semua, termasuk pembangkang. Saya sendiri baca laporan rasmi Parlimen, yang merakamkan bukan sahaja pandangan parti pembangkang, juga Ahli Parlimen *backbencher*. Lagipun, merekalah yang menimbulkan isu ini. Dari situ, langkah sulusan diambil. Apabila menyentuh soal perundingan, tidak semestinya bersempuk. Dari segi akademik, apabila kita membuat esei, perlu ke kita berjumpa penulis buku itu? Kalau dari segi parti politik mungkin maksudnya lain. Tetapi kita gunakan laporan Parlimen sebagai garis panduan. Ini sudah memadai.

Prof. yakin modul ini diterima semua pihak?

PROF. SHAMSUL: Berdasarkan reaksi awal, saya percaya ia boleh diterima. Tetapi kalau sengaja hendak mencari masalah, ia akan menjadi sebaliknya. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Kalau terima, terima, jika tidak terpulang. Saya gembira apabila ada cadangan daripada ibu bapa supaya buku ini dijual bukan hanya kepada penuntut universiti tetapi juga orang ramai. Tujuan buku ini ialah untuk menimbulkan kesedaran, kefahaman sehinggalah ke peringkat seterusnya, mewujudkan skil.

Setakat ini saya rasa, kita telah melakukan yang terbaik. Tetapi yang belum kita dengar ialah pandangan daripada dua pihak lagi iaitu penuntut dan pengajar atau pensyarah. Hari ini saya dapat banyak panggilan telefon dan mesej daripada ibu bapa yang mahu beli buku ini. Ada seorang ibu, mahu beli 10 naskah untuk dihantar kepada anaknya dan kawan-kawan anaknya yang belajar di luar negara. Apa maksudnya? Maksudnya kita dahagakan bahan-bahan seperti ini. Walaupun telah 50 tahun merdeka, kita masih tiada satu bahan yang boleh dikongsikan semua orang. Dari segi itu saya puas hati. Apabila ada yang berkata, modul ini bukan sesuatu yang sempurna tetapi suatu hasil yang terbaik dan seimbang, saya rasa, apa saya lakukan berbaloi.

Secara jujur bagaimana pandangan Prof. tentang tahap hubungan etnik kita sekarang?

PROF. SHAMSUL: Saya melihat ada dua perkataan dalam bahasa Inggeris - "stable - tension". Kenapa "tension" sebab kita semua mempunyai perbezaan. Berbeza dari segi pendapat, agama malah antara sesama kaum pun ada "tension". DAP dengan Gerakan, Gerakan dengan MCA, UMNO dengan Pas, MIC dengan IPF. Kebanyakan isu yang timbul ialah berkaitan dengan kepentingan diri. Tetapi "stable" kerana semua terlibat dalam konflik bersilat senjata atau penghujahan. Pada saya keadaan hubungan

etnik dalam negara kita sentiasa dalam suasana "stable - tension". "Tension" bukan maknanya tegang seperti senantiasa nak bergaduh, tetapi tegang macam tali gitar. Kesemua tali sesebuah gitar perlu "tension" kerana jika tidak, ia tidak akan mengeluarkan bunyi yang harmonis dan merdu.

Ada melihat hubungan etnik kita nampak tenang di permukaan sahaja sedangkan di bawah kocakannya seperti kaki itik yang berenang?

PROF. SHAMSUL: Apa buktinya? Tengok apa berlaku di India atau Sri Lanka. Oleh kerana rakyat Malaysia selalu melihat pusatnya, mereka tidak nampak dunia. Ini masalahnya. Pada saya itu sahaja. Kalau kita pergi ke Jerman, ia tidak tentu selamat sebab warna kulit kita. Di sini, pukul 3 pagi kita bebas berjalan tiada siapa hendak pukul kita, di Jerman dengan kumpulan neo-Nazi, kita belum pasti selamat. Kita mesti ada ukuran tertentu. Tidak puas hati memang wujud di kalangan rakyat dalam pelbagai bentuk tetapi soalnya adakah tidak ber-setuju ini menjadi masalah hingga menimbulkan

kekeraan, tikam belakang dan sebagainya?

Modul ini bukan diwujudkan atas alasan ini. Saya melihatnya atas ketelusan Pak Lah bahawa perkara-perkara ini perlu dibincangkan secara terbuka, bukan lagi menyorok di belakang tangan. Tetapi dengan cara sihat. Ia tiada kaitan dengan isu mengunus keris pada Perhimpunan Agung UMNO lalu kerana ia ditimbulkan pada 2004. Mood waktu itu ialah tentang sikap keterbukaan dan ketelusan. Pada hemat saya, tidak adil kalau ada orang mengatakan modul ini perlu semata-mata kerana mengatasi isu-isu berbangkit kebelakangan ini.

Apa halangan utama yang Prof. lihat boleh menggagalkan keharmonian perhubungan etnik?

PROF. SHAMSUL: Faktor ekonomi. Bila ekonomi baik, semua okey, bila ekonomi tidak baik, semua jadi tidak okey. Maksudnya bila cukup makan, tidak akan timbul masalah, bila sebaliknya, baru kita nampak masalah. Soal agihan, itu yang penting.

Apa kepentingan modul ini jika kita mengaitkannya dengan Wawasan 2020?

PROF. SHAMSUL: Salah satu matlamat Wawasan 2020 ialah mewujudkan satu bangsa Malaysia. Soalnya apakah kefahaman kita mengenai proses untuk mencapai matlamat tersebut? Inilah dia (modul). Kalau tidak faham macam mana kita hendak mencapainya? Negara ada cita-cita besar dan Pak Lah menyediakannya. Mungkin bagi kita benda ini kecil tetapi kesan atau ideanya besar. Bagaimana hendak ke sana? Sekarang yang ada hanyalah jantanan halus. Boleh atau tidak kita bina lagi beberapa rangkaian seperti ini? Ideanya telah ada, sekarang kita cuma perlu melaksanakan sahaja.

"Rasa semua beban yang saya pikul hilang"

MINGGUAN: Apa perasaan Prof. sekarang?

PROF. SHAMSUL: Ada dua dimensi perasaan saya. Pertama sebagai seorang ahli akademik, saya merasakan modul ini boleh menjadi lebih baik. Disebabkan ini kerja berkelompok, sukar untuk kita memperbaiki kerja-kerja orang lain. Sebab masing-masing ada cara sendiri menulis. Niat kita baik, kita mahu mencari pakar untuk menulis setiap bab.

Tetapi dari segi keharmonian kandungan menjadi masalah. Kalau banyak sangat dibahaskan, kita bimbang akan jadi "pi mai pi mai tang tu." Saya menerima satu kandungan yang rencam dari segi pendekatan, bahasa dan pandangan. Itu yang membuatkan saya tidak tidur malam. Sibuk memikirkan untuk mengharmonikan tulisan pakar-pakar ini.

Modul yang akan dibukukan dalam tempoh dua minggu akan datang sebenarnya bukan untuk bacaan lepasan universiti tetapi pelajar yang baru masuk universiti. Kita perlu mencari perkataan-perkataan mudah supaya mereka dapat memahami apa yang ingin disampaikan.

Satu lagi perasaan ketara saya ialah selepas sidang akhbar 23 haribulan lalu (Selasa) - rasa semua beban yang saya pikul hilang. Secara peribadi saya menganggap apa yang saya lakukan ini ialah yang paling luar biasa. Selalunya, sesebuah buku atau modul akan diedit dan disunting oleh pakar akademik dalam bidang itu sendiri. Tetapi modul ini disunting, dikomen, dikritik dan diperbaiki oleh para ahli Jemaah Menteri negara kita.

Ini satu keistimewaan dan bersejarah mengenai modul ini.

Bagaimana bermulanya penglibatan Prof. dalam usaha ini?

PROF. SHAMSUL: Pada mulanya saya hanya terlibat menulis satu bab. Mereka meminta saya menulis tentang sejarah sosiologi masyarakat. Saya timbulkan bagaimana Melaka bukan sahaja gemilang dari segi kesultannya tetapi juga kegemilangan dari segi interaksi dan keharmonian etniknya. Selama ini kita tidak pernah membincangkan keistimewaan Melaka dari sudut hubungan etnik.

Rupa-rupanya, mereka mencari orang yang berlatarbelakangkan sosiologi dan sejarah supaya dapat juga melihat di luar data-data sejarah. Pada 18 Julai 2006, sewaktu berada di Australia kerana bercuti bersama anak saya yang belajar di sana, saya menerima panggilan telefon meminta saya pulang segera. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan saya menjadi ketua penyunting untuk menyiapkan modul ini.

Modul ini hanya diterima selepas beberapa kali pindaan dilakukan. Bila kali pertama ia dibentangkan dan berapa lama masa diambil sebelum Kabinet berpuas hati tentangnya?

PROF. SHAMSUL: Draf pertama siap hujung Julai 2006 tetapi ditolak kerana dikatakan sangat bias kepada orang Melayu.

Saya terpaksa membuat kira-kira 150 pembetulan dari segi editorial, fakta dan tafsiran. Akhirnya lima kali draf dan mengambil masa tujuh bulan sebelum diterima.

Apa cabaran besar yang dihadapi sewaktu menyiapkan modul ini?

PROF. SHAMSUL: Yang menjadi masalah ialah tentang macam mana kita hendak menekankan hubungan etnik ini dari segi pelaksanaan kerajaan dan usaha di peringkat bawah. Orang ramai bukannya tiada fikiran. Dan kebiasaannya setiap tindakan akan mengundang persepsi tertentu.

Mengapa Prof. terpilih memikul tugas ini?

PROF. SHAMSUL: Saya juga bertanya mengapa saya dipilih? Jawapan yang saya terima ialah mereka menganggap saya banyak menulis berkaitan hubungan etnik. Anggapan ini betul kerana saya memang menulis tentang isu ini walaupun tidak secara langsung, tetapi sedikit sebanyak akan menyentuhnya. Satu lagi alasan ialah saya boleh menulis dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Selain mereka menganggap saya seorang yang mempunyai pandangan global. Saya juga dilihat seseorang yang tidak terlibat dalam mana-mana parti politik. Cara saya bekerja mementingkan faktor masa dan kerja keras, semua ini mungkin datang dalam satu pakej mengapa saya dipilih.

Bagaimana Prof. melihat tanggungja-

wab ini?

PROF. SHAMSUL: Ini tugas yang sangat berat. Saya terpaksa meminta bantuan daripada lima pensyarah yang juga calon Ph.D (doktor falsafah) yang saya *bombing*. Di samping itu, mereka pernah mengajar kursus Hubungan Etnik dan juga mengenai Sistem Sosial dan Perlembagaan Malaysia. Kalau seorang, saya sendiri rasa saya tidak mampu.

Harapan Prof.?

PROF. SHAMSUL: Saya terlalu optimis kerana saya sering ke luar negara dan melihat apa yang berlaku di sana secara perbandingan. Saya pernah ditawarkan bekerja di beberapa tempat di luar negara sebagai profesor, tetapi saya menolak. Sebab saya tahu macam mana pun masalah di Malaysia, kita boleh berunding untuk mencari penyelesaian. Kalau di tempat lain, soal kulit sahaja telah menjadi masalah. Di tempat kita mana ada orang mempersoalkan warna kulit.

Ada Melayu yang hitam. Ada juga Melayu yang putih. Saya mengharapkan daripada jambatan halus ini akan terbina jambatan yang lebih kukuh. Modul ini hanyalah satu lagi jambatan halus yang hendak dibina ke arah melahirkan bangsa Malaysia. Tetapi soalnya bolehkah kita membina satu jambatan yang lebih besar? Untuk mencapai hasrat ini terpulang kepada kita semua, rakyat sendiri.

Ada Melayu yang hitam. Ada juga Melayu yang putih. Saya mengharapkan daripada jambatan halus ini akan terbina jambatan yang lebih kukuh

- Shamsul Amri